

PENGURUSAN TABUNG MASJID KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT

Husnul Rita Binti Aris¹,
Nor Saadah Binti Musa²

ABSTRACT

Economy is very influencing factor that can promote people whether in a good and well financial, in the middle or not at all. This types of people can easily be seen in especially in big town such as Kuala Lumpur. In the 21st century, the dramatically increased of economic pressure has increased the number of citizens facing financial difficulties. Often appear in newspapers various social phenomena such as robbery, snatch that arise will always led to people who are shortage of expenditures due to just been terminated from current job and others. Therefore, a new approach to mosque donation tube management so that it will become more efficient will give new light to ease the burden of those who are needy. Appropriate mechanisms in the management of the mosque donation tube will generate economic development of local communities.

Keywords: Economy, mosque donation tube management, local communities

1.0 Pendahuluan

Masjid merupakan institusi penting bagi umat Islam seluruh dunia. Masjid bukan sahaja menjadi tempat bagi umat Islam dalam menunaikan ibadah khusus seperti solat, membaca al-Quran, iktikaf dan seumpamanya. Namun ia juga menjadi tempat bagi melaksanakan ibadah umum seperti menyampaى serta menuntut ilmu, berbincang, bertukar pendapat, merancang dan melaksanakan pelbagai aktiviti membangunkan ummah dari pelbagai aspek sama ada rohani, fizikal mahu pun mental. Selain itu, masjid juga menjadi salah satu institusi pemangkin ke arah penjanaan ekonomi ummah masa kini. Institusi masjid merupakan simbol syiar Islam yang menyatupadukan umat Islam dalam pelbagai bidang. Ia merupakan pusat pembangunan modal insan sama ada daripada aspek kerohanian, akhlak mahupun kehidupan bermasyarakat. Firman Allah S.W.T dalam al-Quran :

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ۝١٨

“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.” (Surah at-tawbah: ayat 18)

Umumnya, ketika saat kegemilangan pemerintahan kerajaan Islam dahulu, masjid mempunyai pelbagai fungsi. Antara fungsinya ialah sebagai pusat rujukan penting melibatkan soal pengurusan dan

¹ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Negeri Sembilan Kampus Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

² Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara Negeri Sembilan Kampus Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

pentadbiran negara, pusat perkembangan kewangan dan ekonomi, penyebaran dan perluasan bidang keagamaan, menegakkan keadilan dalam perundangan, pemupukan institusi sosial dan sebagainya (Joni Tamkin dan Che Zarrina,2003)

Dewasa ini, pelbagai masalah umat Islam melanda di Malaysia terutama dalam arus kemodenan dan ekonomi sara hidup yang tinggi. Dalam menjalani kehidupan seharian, terdapat segelintir masyarakat yang hidup susah. Ada yang makan pagi kais pagi, makan petang kais petang, ada yang baru diberhentikan kerja, penganggur terhormat dan ada yang hanya cukup-cukup makan dalam memiliki kewangan seharian. Tambahan, harga barang semakin naik dengan keadaan ekonomi yang tinggi, pelbagai masalah sosial berlaku seperti kecurian, meragut, merompak, menipu, rasuah dan lain-lain lagi yang makin menjadi-jadi disebabkan desakan ekonomi yang tidak menentu. Justeru, institusi masjid memainkan peranan penting dalam mengawal keadaan masyarakat Islam yang hidup dalam keadaan yang mengharap jalan penyelesaian masalah ummah kini. Harapan penjana dana masjid yang efektif dengan mekanisme yang efisien, dapat membantu dalam mengurangkan masalah ekonomi ummah yang seringkali menjurus kepada pelbagai gejala sosial.

2.0 Masjid Dan Ummah

Institusi Masjid mesti ditadbir atas roh keikhlasan dan amanah daripada Allah S.W.T. Harta masjid sama ada alih atau tidak alih adalah kepunyaan umum bukan milik individu. Pemegang amanah masjid bertanggungjawab mengurus dan mentadbir berdasarkan parameter yang ditentukan oleh syarak. (Hasan Bahrom, 2008). Firman Allah S.W.T. dalam al-Quran :

قُلْ أَمَرَ رَبِّي بِالْقِسْطِ وَأَقِيمُوا وُجُوهَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَادْعُوهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ كَمَا بَدَأَكُمْ تَعُودُونَ ٢٩

“Katakanlah: Tuhanku menyuruh berlaku adil (pada segala perkara) dan (menyuruh supaya kamu) hadapkan muka (dan hati) kamu (kepada Allah) dengan betul pada tiap-tiap kali mengerjakan sembahyang dan beribadatlah dengan mengikhlaskan amal agama kamu kepadaNya semata-mata; (kerana) sebagaimana Dia telah menjadikan kamu pada mulanya, (demikian pula) kamu akan kembali (kepadaNya).” (Surah al-‘Araf: ayat 29)

Masjid adalah lambang syiar dan kedaulatan Islam yang menghubungkan hamba dengan Penciptanya. Pada zaman keagungan Islam, masjid menjadi pusat sumber dan khidmat sosial yang begitu unggul. Masjid bukan sahaja merupakan tempat beribadat, malah mendapat kedudukan yang amat tinggi dalam jiwa umat Islam. Selain itu, masjid turut berfungsi sebagai pusat perkembangan ilmu, memupuk persaudaraan, menyepadukan masyarakat dan medan perkembangan tamadun Islam. Sesuai dengan peredaran zaman, pengurusan masjid seharusnya lebih produktif dan kualiti pengurusan juga perlu dipertingkatkan serta diperengkap dengan perisian-perisian yang dapat mengimarah masjid tersebut. Dalam erti kata lain, masjid perlu diberi nafas baru seiring dengan pembangunan moden agar diterima oleh masyarakat tanpa dolak-dalik lagi. (Mohd Noor Azli Ali Khan et al.,2008)

Para pengurus masjid harus melihat institusi ini sebagai sebuah institusi yang penting dalam organisasi masyarakat. Justeru itu pengurusan masjid harus kreatif dan inovatif dalam merubah dan menyelesaikan masalah umat. Institusi masjid bukan sahaja dilihat sebagai tempat rujukan atau penyelesai masalah masyarakat setempat, tetapi dilihat sebagai medium merungkai masalah moral dan menyelesaikan masalah kemiskinan umat. (Hasan Bahrom,2008)

Walaupun pada masa ini masjid tidak lagi digunakan sebagai pusat pentadbiran, tetapi fungsinya sebagai penjana pembangunan insan perlu dikekalkan. Oleh itu, dorongan untuk mengembalikan peranan yang lebih banyak kepada institusi masjid perlu digerakkan dalam pelbagai bidang dan tidak terhad kepada bidang keagamaan semata-mata. Dalam usaha menjadikan masjid sebagai pusat kewangan atau penyedia dana khususnya kepada masyarakat setempat, langkah awal yang boleh

diwujudkan ialah mengadakan kerjasama antara institusi-institusi masjid di bawah satu badan koperasi. Dengan wujudnya badan sebegini, pakar-pakar berkelayakan dapat mengesyorkan idea perniagaan dan sebagainya yang dapat dimajukan oleh usahawan Muslim. Dengan ini, impak atau kesan limpahan yang lebih melebar akan terlaksana melalui dana yang disediakan seperti peluang pekerjaan baru, tempat yang strategik, makanan dan keperluan masyarakat yang bertepatan dengan syarak dan sebagainya. Paling penting, melalui aliran dana masjid ini, manfaat yang diterima bukan sahaja terhad kepada masyarakat setempat, tetapi dapat dimanfaatkan semaksimum mungkin oleh seluruh umat Islam. (Mohd Yahya et al, 2014)

Keadaan berkenaan menjelaskan Islam bukan sekadar berlandaskan perbuatan ritual, tetapi lebih daripada itu yang merumuskan bahawa syariat diturunkan oleh Allah meliputi segenap aspek kehidupan manusia.

Bermula daripada prinsip itu, masjid telah menjadi pusat pembangunan ekonomi setempat yang sekaligus dapat memperbaiki taraf kehidupan umat Islam. Ini termasuklah kewujudan tabung bergerak di rumah ibadah berkenaan.

Bagi memperkenalkan keseragaman bagi tabung bergerak yang terdapat di masjid-masjid seluruh negara, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) melancarkan program Tabung Derma Masjid di ibu negara, baru-baru ini.

Masyarakat Islam dan masjid tidak boleh dipisahkan. Ia bagaikan aur dan tebing. Sesebuah masjid tidak meriah dan hidup tanpa kehadiran jamaah yang mengunjunginya dan melaksanakan ibadah. Begitu jua, masyarakat Islam memerlukan masjid untuk mereka melaksanakan kegiatan berkaitan rohani, fizikal dan mental dalam memantapkan lagi keutuhan ummah itu sendiri. In dapat di lihat dalam sejarah Islam bagaimana Rasulullah telah menguruskan dan menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah, pusat pengukuhan ekonomi umat Islam, pusat pentadbiran Negara, bertindak sebagai mahkamah untuk menjatuhkan hukuman, sebagai balai pertemuan untuk musyawarah, pusat kebudayaan dan maklumat dan sebagainya. (Zakaryya Mohamed Abdel, 2010). Malahan Ibn Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah menyebut bahawa pengurusan masjid yang cemerlang pada zaman awal kebangkitan Islam telah Berjaya melahirkan ramai tokoh ulama yang hebat di serata dunia Islam. (Ibn Khaldun, t.t.)

Kini, persepsi masyarakat terhadap peranan yang dapat dimainkan oleh institusi masjid semakin sempit. Masjid dilihat hanyalah sebagai tempat ibadat semata-mata, manakala peranan-peranan masjid yang lain seperti pusat ekonomi, sosial dan kehakiman telah diambil-alih oleh institusi, kementerian, lembaga, pusat dan sebagainya yang diwujudkan oleh pihak kerajaan (Fidlizan dan Mohd Yahya, 2009). Persepsi masyarakat yang sempit ini akan membataskan fungsi sebenar masjid seterusnya melenyapkan kegemilangan masjid. (Mohd Yahya et al, 2014)

Sementara itu, Hairunnizam *et al.* (2009) pula menyatakan bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kekuatan masjid dalam pembentukan modal sosial ialah keaktifannya menganjurkan program kemasyarakatan seperti ceramah, kuliah, kursus, gotong-royong dan aktiviti sosial lain. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keaktifan masjid dipengaruhi secara signifikan oleh tahap pendidikan pengurus utama, kecukupan dana, kategori masjid dan gaya pengurusan. Pandangan ini disokong oleh Roslan (2008) yang menyarankan pihak pengurusan institusi masjid perlu membuat persediaan lengkap bagi merapatkan hubungan masyarakat dengan institusi masjid. Antara kaedah yang boleh dilaksanakan ialah dengan menyediakan tempat ibadah yang selesa, aktiviti pengajian yang teratur dan sistematik, ketelusan dalam kewangan, serta mengurangkan konflik institusi. (Mohd Yahya et al, 2014)

Selain itu juga, institusi masjid juga perlu diurus tadbir dengan cekap bagi mengelakkan kepincangan terhadap proses pembangunan masyarakat Islam secara keseluruhan. Dengan pengurusan yang cekap dan sistematik serta perlaksanaan aktiviti-aktiviti bersifat spiritual dan ekonomi akan mempengaruhi suasana pengimarah masjid yang mana akhirnya mengubah persepsi masyarakat terhadap peranan masjid sebagai tempat ibadat kepada pusat pembangunan ekonomi Islam. (Mohd Yahya et al, 2014)

3.0 Masjid Dan Pengurusan Dana

Meskipun fungsi penubuhan masjid pada awalnya agak terhad iaitu sebagai sebuah tempat ibadat, namun fungsi dan kepentingannya semakin berkembang dari semasa ke semasa. Salah satu peranannya ialah membangunkan ekonomi umat Islam menerusi pengurusan sedekah, wakaf dan sebagainya. Bersumberkan sumbangan sedekah dan wakaf daripada pelbagai pihak, institusi masjid diyakini mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini. (Mohd Yahya et al, 2014)

Oleh itu, pelbagai usaha untuk mengembalikan peranan masjid yang lebih komprehensif telah mula digerakkan. Berbagai forum, bengkel dan seminar telah diadakan bagi melihat kembali fungsi dan peranan masjid yang bukan sahaja sebagai tempat beribadat, bahkan juga berperanan mendidik masyarakat dengan sifat dan amalan yang baik seperti derma, sedekah dan wakaf. Amalan derma, sedekah dan wakaf amat signifikan dengan institusi ini disebabkan ianya dianggap sebagai institusi yang menguruskan kepentingan orang-orang Islam semasa hidup dan juga mati.

Kebiasaannya, jumlah kutipan derma dan sedekah adalah paling banyak pada hari Jumaat iaitu ketika solat Jumaat. Kutipan daripada derma, sedekah dan wakaf ini akan disalurkan semula kepada masyarakat dalam bentuk aktiviti kerohanian seperti kuliah keagamaan, sambutan hari kebesaran Islam, pengurusan jenazah dan tanah perkuburan Islam. Selain daripada itu, masjid juga memiliki tanah wakaf yang diusahakan dalam bentuk binaan kediaman, kedai atau tanah kosong yang disewakan kepada masyarakat setempat (Hasan, 2008). Dengan wujudnya situasi sebegini, jelas membuktikan bahawa institusi masjid mempunyai sumber dana yang berterusan dan dapat digunakan untuk faedah jangka panjang (Fidlizan *et al.*, 2007). Kesediaan dana yang berterusan ini turut dipengaruhi oleh status Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam. (Mohd Yahya et al, 2014)

Dari aspek pengurusan kewangan masjid pula, terdapat dua bentuk sumber kewangan yang diterima oleh masjid iaitu; *pertama*, peruntukan dari kerajaan negeri dan *kedua*, sumbangan dari orang ramai (Maliah, 2007). Menerusi dana yang diterima dari kerajaan negeri membolehkan sesebuah masjid melalui kebenaran oleh pihak Majlis Agama Negeri untuk menyelenggara masjid dan mengendalikan aktiviti-aktiviti kerohanian. Manakala, sumbangan dari orang ramai pula disalurkan bagi tujuan membiayai aktiviti-aktiviti sosial yang tidak dibiayai oleh kerajaan negeri. Oleh kerana setiap dana tersebut diperoleh dari dua sumber yang berbeza, maka prosedur pengurusan bagi setiap dana juga berbeza. Selain daripada dua dana tersebut, masjid juga menerima sumbangan dalam bentuk lain iaitu zakat dan sumbangan dari pihak korporat (Fidlizan *et al.*, 2007). Dengan pengumpulan sumber dana yang tinggi, maka tidak mustahil institusi masjid mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat dan juga umat Islam secara makronya. (Mohd Yahya et al, 2014)

Kajian oleh Siti Alawiah *et al.* (2008) menunjukkan masih terdapat kelemahan dalam amalan pengurusan kewangan masjid di seluruh Malaysia misalnya dari aspek sistem kawalan belanjawan di mana masjid tidak menyediakan belanjawan tunai sebagai rujukan pengurusan kewangan, tidak membuat laporan lengkap mengenai kutipan dan perbelanjaan dana sedekah dan sebagainya. Selain itu, tidak wujud satu piawai yang standard dari aspek pengawasan fizikal, kuasa, pencatatan urusan kewangan, pengasingan tugas, operasi bank serta pelaporan maklumat kewangan yang diguna pakai oleh masjid-masjid di Semenanjung Malaysia. Kelemahan-kelemahan ini akan mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. (Mohd Yahya et al, 2014)

Dari aspek pengembangan dana pula, masjid dilihat berperanan sebagai satu institusi yang berpotensi dalam menangani krisis ekonomi. Kajian oleh Mohd Yahya *et al.* (2012) mendapati simpanan tunai institusi masjid di negeri Perak adalah sebanyak RM7.8 juta bagi 241 buah masjid. Fidlizan dan Mohd Yahya (2009) pula berpendapat peranan masjid dalam sosio-ekonomi ini perlu diketengahkan memandangkan institusi masjid mempunyai dana yang agak besar terutamanya masjid-masjid yang berada di kawasan bandar dan pekan serta yang mempunyai kepadatan penduduk dan pendapatan yang tinggi. Namun begitu, dapatan kajian oleh Jaafar *et al.* (2001) menunjukkan kebanyakan masjid-masjid di Malaysia menyimpan beku dana yang disumbangkan oleh masyarakat awam. Sumbangan kewangan tersebut tidak disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang mampu memberikan pulangan atau hasil yang menguntungkan kepada masjid dan ahli kariah setempat. Selain itu, masjid juga dikatakan cenderung membuat simpanan dalam akaun semasa dengan mendapat keuntungan dan pulangan yang rendah (Jaafar *et al.*, 2001). Sehubungan itu, Zainuddin (2001) mencadangkan agar Ahli Jawatankuasa Pengurusan Masjid dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang tertentu seperti ahli perniagaan, usahawan, akauntan dan juga golongan ustaz. Ini bertujuan untuk memastikan dana masjid dapat dikembangkan dan disalurkan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang produktif melalui penubuhan institusi berpusat seperti bank dan koperasi masjid serta saham wakaf dan seterusnya memberi limpahan positif kepada masyarakat setempat (Mohd Yahya *et al.*, 2011). Dana masjid jika di kendali dan diurus dengan baik dan sistematik boleh menjadi sumber asas kepada kekuatan ekonomi umat Islam pada keseluruhannya. (Hasan Bahrom, 2008)

4.0 Peranan Tabung Masjid Dalam Mengurangkan Masalah Ekonomi Masyarakat Setempat

Wang masjid/surau dalam garis panduan ini merujuk kepada dana masjid/surau yang terkumpul hasil dari pelbagai sumber seperti derma individu atau organisasi kedalam akaun bank atas nama masjid/surau, atau derma yang dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di masjid/surau, tabung jumaat, wakaf tunai, pungutan derma sempena hari raya, tabung bergerak, sumbangan kerajaan, hasil sewaan dan sebagainya yang dimasukkan kedalam akaun masjid/surau. (<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-garis-panduan-penggunaan-wang-masjid-dan-surau>)

Tabung masjid yang seperti kita sedia maklum adalah kutipan yang diperolehi menerusi tabung masjid, tabung bergerak Hari Jumaat dan tabung bergerak Hari Kebesaran. Juga terdapat dalam bentuk komitmen bulanan samada menerusi potongan gaji ataupun menerusi tabung e-masjid yang boleh dibuat secara dalam talian

Hasil tabung masjid ini boleh memainkan peranan ke arah mengurangkan masalah ekonomi masyarakat setempat. Sering kali masyarakat memberikan komen sukar untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada pihak masjid. Justeru, penubuhan skim dana ekpress bagi golongan yang memerlukan seperti baru diberhentikan kerja atau menganggur boleh membantu meringankan beban golongan tersebut yang memerlukan wang dengan kadar segera. Skim dana ekpress ini akan diselia oleh Pengerusi dan Imam yang merupakan Penasihat bagi Tabung Masjid.

Firman Allah S.W.T. dalam al-Quran:

”وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٢

“...hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada

Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”(Surah al-Maidah: ayat 2)

Pembukaan kedai2 makanan, kedai cuci kereta, kilang membuat roti, kilang membuat mee yang berskala kecil menerusi hasil tabung masjid yang terkumpul boleh menambah baik hasil pulangan dan membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Ini secara tidak langsung akan menjadikan hasil tabung masjid tersebut akan dimanfaatkan sebaik mungkin bagi kebaikan masyarakat setempat. Masyarakat luar dari kawasan terutama yang bukan muslim pasti akan kagum dan menjadikan hubungan rapat masyarakat setempat itu dengan institusi masjid sebagai rujukan. Menerusi ini, institusi masjid akan dapat diimarahkan kerana institusi masjid tidak lagi hanya akan dikunjungi pada waktu ibadah solat biasa saja. Tanpa disedari, ia akan melahirkan rasa cinta mendalam masyarakat setempat terhadap institusi masjid bak kata pepatah “Tak kenal maka tak cinta”

Pembentukan koperasi masjid menerusi hasil tabung masjid dengan menjadikan masyarakat setempat sebagai ahli-ahlinya akan meningkatkan lagi kebolehpayaan dan peranan tabung masjid itu sendiri. Hasil tabung masjid akan dijadikan modal utama disertai dengan sumbangan dari pihak persendirian dan sejumlah kecil dari ahli-ahli yang merupakan masyarakat setempat. Menerusi konsep ini, hasil keuntungan koperasi masjid menerusi aktiviti perjualan hasil produk yang berlabelkan koperasi masjid ataupun pelaburan dalam bentuk perniagaan yang diluluskan oleh Syariah akan dapat di rasai dan dikongsi bersama oleh masyarakat setempat. Dengan ini, ia akan membantu kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan.

5.0 Ke Arah Menjana Tabung Masjid yang Efektif

Bagi memperkenalkan keseragaman bagi tabung bergerak yang terdapat di masjid-masjid seluruh negara, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) melancarkan program Tabung Derma Masjid di ibu negara, baru-baru ini. Usaha ini dikatakan sebagai menghargai kerjasama antara masjid dan pihak bank yang selama ini menjadi penyimpan utama di Bank Islam.

Menerusi program ini, Bank Islam telah menaja RM420,000 untuk mengeluarkan 3000 unit tabung yang akan diedarkan ke masjid dan surau yang terpilih seluruh Negara. Bank Islam berharap dengan pengenalan tabung masjid yang seragam akan merencanakan dan memudahkan lagi kutipan derma samada di masjid atau di luar masjid

Artikel Penuh: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130903/ba_02/Penyeragaman-Tabung-Masjid

© Utusan Melayu (M) Bhd ARKIB : 03/09/2013 Penyeragaman Tabung Masjid

Selain daripada itu, pihak bank boleh meletakkan Mesin Pendeposit Tunai, Mesin Pendeposit Cek dan Mesin Pengeluaran Wang ATM di dalam kawasan masjid. Bagi Mesin Pendeposit Tunai dan Mesin Pendeposit Cek, pihak bank boleh mengubahsuai slot wang/cek masuk kepada 2 slot. Slot utama untuk mendeposit wang ke akaun yg dikehendaki pengguna manakala slot kedua khas untuk derma ke akaun masjid yang berkenaan yang mempunyai nilai minimum RM 1. Para penderma akan diberikan resit sebagai rujukan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah penderma ke tabung masjid. Ianya terbuka kepada semua golongan masyarakat termasuk dari golongan yang bukan muslim yang turut mendapat faedah melalui pengenalan kiosk bank di institusi masjid

Pengenalan Tabung E-Masjid yang boleh diperolehi menerusi laman sesawang bank tersebut. Pautan yg boleh menghubungkan pengguna laman sesawang bank tersebut untuk terus menderma ke akaun masjid tersebut yg diletakkan di laman sesawang bank. Para penderma yang berdaftar akan dikemaskini maklumat menerusi newsletter berkaitan hasil /projek yang berkaitan derma mereka yanggg boleh menggalakkan lagi mereka untuk terus menderma

Pemasangan CCTV dan sistem penggera keselamatan pada Kiosk Bank dan Tabung Masjid akan meningkatkan keselamatan dan mengurangkan risiko kecurian tabung masjid yang semakin menjadi-jadi akhir-akhir ini

Sewajarnya ,Tabung Masjid ini dilindungi oleh insurans memandangkan ia merupakan amanat daripada masyarakat sekeliling yang menderma. Sekaligus ia akan memartabatkan nilai tabung masjid di mata masyarakat yang mana ianya bukanlah satu bentuk kutipan yang boleh dipandang enteng penjagaan dan pengurusannya

Kajian dilakukan oleh Jaafar Ahmad et al pada tahun 1999 berkaitan pengurusan dana dan harta masjid oleh, maka perhatian khas juga diberikan kepada sifat individu yang menganggotai jawatankuasa masjid kerana jawatankuasa itulah yang mencorakkan kemampuan pengurusan masjid-masjid berkenaan.

Menurut Jaafar Ahmad et al, (1999) antara sifat yang dinilai ialah tingkat pendidikan ahli jawatankuasa, terutamanya pendidikan pengerusinya. Tingkat kelulusan tinggi yang dimiliki oleh pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa masjid dijangka mempengaruhi secara positif kecekapan pengurusan masjid. Ini kerana tingkat pendidikan yang sedemikian akan menyebabkan jawatankuasa masjid mempunyai wawasan yang lebih luas dan jauh ke hadapan, di samping lebih mampu merancang aktiviti-aktiviti masjid dengan lebih aktif dan cekap, termasuklah aktiviti pengurusan dana dan hartanya. Sebagai contoh, jika masjid mempunyai simpanan bank yang agak besar, jawatan kuasa yang aktif akan cuba menggunakan wang simpanan itu untuk tujuan pelaburan atau membeli aset fizikal yang boleh mendatangkan pulangan tertinggi. Pulangan dalam bentuk hasil sewa dan keuntungan merupakan pendapatan yang dijana sendiri oleh masjid-masjid berkenaan kerana ia bukan lagi merupakan sumbangan derma dari pihak-pihak lain.

Sebagai tambahan hasil kajian beliau juga didapati juga bahawa nisbah pendapatan dijana kepada jumlah pendapatan masjid telah tidak mempengaruhi jumlah pendapatan itu sendiri. Dengan perkataan lain, peningkatan nisbah ini dijangka boleh meningkatkan jumlah pendapatan masjid kerana dananya telah tidak lagi tersimpan beku di bank dengan pulangan rendah tetapi telah digunakan untuk membeli aset atau pelaburan yang mampu memberi pulangan yang jauh lebih tinggi. Peningkatan sumbangan ini akan mempengaruhi dengan kuatnya jumlah pendapatan masjid pada keseluruhannya. Oleh kerana itu, pihak jawatankuasa masjid tidak perlu memberi perhatian serius untuk menjana pendapatan sendiri lantaran masjid mereka sentiasa menerima sumbangan derma secara berterusan. (Jaafar Ahmad et al, 1999)

Dalam kajian Jaafar Ahmad et al, (1999) lagi, mendapati bahawa pihak pengurusan masjid tidak cenderung meningkatkan peratus aset yang boleh menjana pendapatan walaupun kemampuan mereka berbuat demikian memang ada.

Menurut Rosliza et.al (2008) dalam kajiannya bertajuk Sistem Pengurusan Kewangan Di Masjid Kota Tinggi Negeri Johor Darul Takzim mendefinisikan pengurusan kewangan masjid adalah satu sistem yang melibatkan perbelanjaan dan pengurusan kewangan masjid. Dana yang diperolehi adalah hasil kutipan derma dari masyarakat setempat dan boleh digunakan untuk pelaksanaan sesuatu aktiviti atau perbelanjaan masjid. Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam Pengurusan

Kewangan Masjid dikenali sebagai bendahari (orang yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal kewangan) .Setiap data penyimpanan dan pengeluaran wang pula akan disimpan sebagai sulit dan persendirian .

6.0 Kesimpulan

Tabung Masjid merupakan salah satu komponen utama dalam dana institusi masjid. Fungsinya yang selama ini tidak dapat di gunapakai sebaik mungkin kerana selama ini ada kedapatan masjid-masjid hanya menyimpan hasil kutipan tabung dalam institusi kewangan dan mengharapkan keuntungan menerusi hasil simpanan yang agak sedikit pulangnya.

Justeru kepelbagaian aplikasi hasil tabung masjid boleh menjana keuntungan yang berganda sekaligus membantu ke arah pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Namun begitu, ia memerlukan penglibatan dari semua pihak seperti bank, masyarakat setempat, pemimpin dan pengurusan masjid itu sendiri

Pengurusan dana masjid yang lebih efektif boleh di pertingkatkan dengan penaiktarafan ilmu pengurusan masjid di kalangan ahli jawatankuasa masjid. Ini bagi memastikan kelancaran dalam pengurusan dana masjid. Pihak ahli jawatankuasa masjid hendaklah bekerjasama dan bermuayarah dengan masyarakat setempat agar semua buah fikiran dapat disatukan dan dilaksanakan bagi kebaikan bersama.

Harapan kita semua agar tabung masjid akan dioptimumkan penggunaan bagi memaksimumkan keuntungan yang akan memberikan manfaat kepada pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Ini secara tidak langsung, kita telah membantu kerajaan ke arah mengurangkan kadar kemiskinan penduduk setempat

7.0 Bibliografi

- Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin, Syed Ismail Syed Mohamad dan Amal Hayati Ishak. (2007). Potensi Pengembangan Industri Kecil Sederhana (IKS) Melalui Dana Masjid, dalam *Prosiding Persidangan Kebangsaan Industri Kecil dan Sederhana 2007*.
- Fidlizan Muhammad dan Mohd Yahya Mohd Hussin. (2009). Peranan Masjid Sebagai Institusi Sosio Ekonomi bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi. *Majalah Cahaya*, Jan-Feb 2009, JAKIM.
- Hasan Bahrom. (2008). Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah, Muhd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.
- Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad. (2009). Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid? dalam Sanep *et.al* (penyt.), *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*, 1–9.
- Ibn Khaldun. (T.t.) *Muqaddimah*. Kaherah: alMaktabah Tijariyyah al_kubra. ms403
- Jaafar Ahmad, Dr. Sanep Ahmad, Mariani Ab. Majid dan Hairunnizam wahid. (1999). Fakulti Ekonomi, Bangi: UKM
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. (2001). Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik dalam *National Workshop on Capacity Building Towards Excellence in Econ. Research & Policy Formulation*, 23-24 April 2001, Fakulti Ekonomi UKM dan UUM. 1–13.
- Joni Tamkin Borhan and Che Zarrina Sa'ari. (2003). Pembangunan Ekonomi Masjid dalam Norrodzoh Hj. Siren & Yusmini Md Yusoff (penyt.), *Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.

Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Fauzi Abu @ Hussin. (2011). Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid. *Jurnal al-Basirah*, 1(1), 53–63.

Maliah Sulaiman. (2007). The Internal Control Procedures of Mosques in Malaysia. *Blumenau*, 3(2), 101–115.

Mohd Noor Azli Ali Khan, Mohd Zulrushdi Salleh dan Norhayati Salleh. (2008). Pengurusan Masjid: Satu Tinjauan ke atas Kecemerlangan Masjid, Mohd Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.

Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Nurul Fadly Habidin dan Syed Ismail SyedMohamad. (2012), Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak, Prosiding PERKEM VII, Jilid II, 1274–1286.

Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohd Yazid Isa. (2011). Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah. *Jurnal Muamalat*, 4, 199–213.

Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad, Azila Abdul Razak, Mohamad Ali Roshidi Ahmad. (2014). *Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid*. *Sains Humanika* 2:1, 13-21

Roslan Mohamed. (2008). Pemeraksanaan Masjid Melalui Pengurusan Profesional, Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.

Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim dan Maliah Sulaiman. (2008). Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid, Mohd. Ismail Mustari dan Kamarul Azmi Jasmi (penyt.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*. Johor: Penerbit UTM.

Zainuddin Jaafar. (2001). Ke Arah Menjadikan Institusi Masjid Sebagai Pusat Kecemerlangan Komuniti Islam Selangor. *Jurnal YADIM*, 2.

Zakaryya Mohamed Abdel – Hady. (2010). *The Masjid, Yeterday and today*. Center for International and Regional Studies 2 (2010) : 5-10

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-garis-panduan-penggunaan-wang-masjid-dan-surau>

ArtikelPenuh: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130903/ba_02/Penyeragaman-Tabung-Masjid

© Utusan Melayu (M) Bhd ARKIB : 03/09/2013 ~~PenyeragamanTabungMasjid~~

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=1008&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_08.htm#ixzz3JtsY8eRz<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/cadangan-garis-panduan-penggunaan-wang-masjid-dan-surau,5.25pm,23/11/2014>

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=1008&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_08.htm#ixzz3JtsY8eRz